



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MALAYSIA DAN HUNGARY

6 JULAI 2023 | BUDAPEST, HUNGARY

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam kerjasama pertanian dengan rakan sejawatannya dari Hungary, Tuan Yang Terutama Dr Istvan Nagy, Menteri Pertanian Hungary, dalam usaha bersepadu untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama dalam bidang pertanian.

Kedua-dua menteri mengadakan perbincangan mengenai cadangan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian, khususnya akses pasaran, pertanian moden dan penyelidikan untuk manfaat bersama.

MoU ini akan menjadi peluang untuk menerokai pasaran baharu bagi produk pertanian Malaysia seterusnya meningkatkan keseimbangan perdagangan pertanian antara kedua-dua negara.

Kepentingan mengukuhkan kerjasama politik antara kedua-dua negara turut disambut baik bagi mencipta lebih banyak peluang dan menjadikan MoU ini sebagai suatu kelebihan untuk lebih berdaya saing.

Hungary juga bersedia untuk meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan benih dan agro-genetik, pertanian pintar dan pendigitalan yang ditekankan dalam pertanian untuk membantu menangani cabaran dalam produktiviti, kemampanan dan perubahan iklim.

Malaysia juga ditawarkan peluang menjadikan Hungary sebagai pintu masuk kepada keluaran pertanian dari Malaysia ke EU.



KOLABORASI BERSEPADU OP JAMIN KPKM DAN KPND

7 JULAI 2023 | BATU CAVES, SELANGOR

YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bersama Datuk Azman bin Mahmood, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras mewakili YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah turun padang melancarkan Kolaborasi Bersepadu OP Jamin di antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) di GIANT Batu Caves, Selangor.

Kolaborasi bersepadu OP Jamin ini melibatkan penguatkuasa KPKM iaitu Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan Penguatkuasa KPND bertujuan bagi meningkatkan kapasiti penguatkuasaan dan pemantauan seluruh negara dalam memastikan pengguna sentiasa mendapat keterjaminan bekalan beras yang mencukupi dengan harga yang stabil dan terkawal.

Kerjasama strategik serta perkongsian informasi antara KPKM dan KPND ini dilihat dapat menjadi satu medium dalam mengukuhkan lagi jalinan kerjasama sedia ada antara Kementerian serta agensi di peringkat pusat dan negeri melibatkan pemeriksaan di peringkat pengilang padi dan beras, pemborong dan peruncit samada di pasaraya besar atau kedai runcit di seluruh negara. Pemeriksaan ini bagi memastikan keterjaminan bekalan dan harga beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) sentiasa mencukupi dan terkawal.

KPKM dan KPND memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas sekiranya ada maklumat berhubung penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil kesempatan dengan menukar bungkusan atau label beras putih tempatan (BPT) dan dijual dalam pasaran pada harga beras putih import (BPI) demi mendapatkan keuntungan berlipat kali ganda.

Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama di bawah Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] dan boleh dikenakan penalti

KPND dan KPKM berharap agar semua pengilang, pemborong dan peruncit sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan termasuklah tidak mengambil kesempatan dengan melakukan penyelewengan ke atas penjualan beras dengan menukar bungkusan atau label beras putih tempatan (BPT) kepada beras putih import (BPI) dan dijual pada harga jualan runcit beras putih import (BPI) bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas.

KPKM menegaskan bahawa tiada kenaikan harga bagi beras putih tempatan (BPT) kerana harga kawalan maksima beras putih tempatan di peringkat pengguna adalah dikawal pada kadar RM2.60/kg seperti mana yang termaktub di dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].

Beras putih import (BPI) adalah beras yang tidak dikawal harganya oleh Kerajaan. Pihak BERNAS telah mengambil inisiatif dengan membuat penambahan sebanyak 30% untuk beras putih import (BPI) bagi menampung permintaan yang meningkat pada peringkat pemborong.



PROGRAM SENTUHAN MADANI PERINGKAT NEGERI KEDAH OLEH YAB PERDANA MENTERI

15 JULAI 2023 | ALOR SETAR, KEDAH

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah hadir dalam Majlis Sentuhan MADANI Peringkat Negeri Kedah yang berlangsung di Ibu Pejabat MADA.

Kehadiran YAB Perdana Menteri ke majlis ini telah disambut oleh seramai 18,000 orang terdiri daripada golongan pesawah, peladang, penternak, nelayan, penoreh serta pekebun kecil yang memberi peluang kepada mereka untuk bertemu dan berinteraksi secara bersemuka dengan Perdana Menteri.

Perdana Menteri telah menyampaikan *mock cheque* Insentif Pembangunan Sektor Perikanan berjumlah RM18,172,544.00 yang akan dimanfaatkan kepada 2,468 orang nelayan, manakala Insentif Pembangunan Sektor Tanaman berjumlah RM15,626,011.98 yang akan

manfaatkan kepada 20,755 orang petani dan Bantuan Khas Sektor Tanaman Padi yang berjumlah RM28,785,090.60 pula akan dimanfaatkan kepada 46,238 orang pesawah. Seramai 69,461 orang akan menerima manfaat di negeri Kedah.

Pada majlis sama, YAB Perdana Menteri turut memaklumkan berkaitan Program Penanaman Padi Lima Musim dalam tempoh dua (2) tahun yang merupakan salah satu inisiatif Kementerian dalam usaha meningkatkan pengeluaran beras negara.



SENTUHAN AGRO MADANI: "WALKABOUT" YB MENTERI KPKM

22 JULAI 2023 | TANAH MERAH, KELANTAN

Program ini merupakan salah satu siri lawatan kerja turun padang YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memantau sendiri pelaksanaan projek pembangunan agromakanan yang diusahakan oleh para petani dan usahawan di lapangan bagi memastikan kecukupan dan keterjaminan makanan dalam negara khususnya di negeri Kelantan.

Projek tanaman jagung di Kg. Paloh, Tanah Merah yang berkeluasan 32 hektar ini telah bermula pada tahun 2007 melalui penubuhan koperasi yang telah mengusahakan pelbagai jenis tanaman seperti jagung, kacang panjang, labu dan pelbagai jenis ubi-ubian.

Projek kelompok ini mendapat bimbingan sepenuhnya daripada Jabatan Pertanian negeri Kelantan dan telah menerima peruntukan berjumlah RM201,245 sejak tahun 2014 daripada Jabatan Pertanian yang merangkumi insentif penyediaan kawasan, sistem pengairan dan input pertanian. Selain itu, Jabatan Pertanian turut melaksanakan pemantauan termasuklah dari segi khidmat nasihat berkaitan penyakit dan perosak.

Selaras dengan objektif Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) iaitu meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik bagi pengeluar makanan, hasil pendapatan 50 orang peserta di projek kelompok ini berjaya ditingkatkan dengan anggaran nilai pengeluaran keseluruhan projek ini berjumlah RM1 juta setahun.

Komitmen dan kerjasama erat antara peserta dan jabatan/agensi di bawah KPKM merupakan kunci utama projek ini berjaya dilaksanakan dengan konsisten dan baik.



SESI LIBAT URUS DUA HALA BERSAMA DELEGASI REPUBLIK ISLAM IRAN

20 JULAI 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) telah menganjurkan satu Sesi Libat Urus Dua (2) Hala bersama Delegasi Republik Islam Iran yang diketuai oleh TYT Dr. Mojtaba Khayam Nekouie, Timbalan Menteri Pertanian dan Presiden Organisasi Penyelidikan, Pendidikan dan Pengembangan Pertanian, Kementerian Pertanian Republik Islam Iran pada Khamis, 20 Julai 2023 di Bilik Media, Aras 7 Wisma Tani Putrajaya.

Pembentangan daripada Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI), Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Jabatan Pertanian (DOA) dan Jabatan Perikanan (DOF) kepada Delegasi Republik Islam Iran berkenaan potensi pelaburan agromakanan, perkongsian sektor perikanan dan akuakultur serta pengembangan industri padi dan beras selain potensi buah-buahan tropika Malaysia untuk pasaran global.

Dalam sesi yang sama, Delegasi Republik Islam Iran juga telah diperkenalkan dengan kepelbagaian varieti buah-buahan tropika Malaysia yang sedia dieksport selain Delegasi dapat merasai keenakan buah-buahan tropika ini.

Lebih daripada 16 syarikat terdiri daripada Persatuan dan Pemain Industri Agromakanan tempatan telah ditemu suai dengan Delegasi Republik Islam Iran dalam satu program Business Networking Session sebaik sahaja selesai sesi pembentangan.

Penganjuran sesi ini untuk mewujudkan satu medium interaksi pertukaran pandangan kerjasama pertanian dalam perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua buah negara.

Selanjutnya, Delegasi Republik Islam Iran dijadual mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 21 Julai 2023.

KUNJUNGAN HORMAT OLEH TIMBALAN MENTERI PERTANIAN REPUBLIK ISLAM IRAN KE ATAS MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

21 JULAI 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Dr. Mojtaba Khayam Nekouie, Timbalan Menteri Pertanian Republik Islam Iran yang juga Presiden Pusat Penyelidikan, Pendidikan dan Organisasi Pengembangan Pertanian Iran (AREEO) bersama delegasi daripada Republik Islam Iran pada 21 Julai 2023 di Wisma Tani, Putrajaya.

Kunjungan hormat ini merupakan sebahagian daripada lawatan kerja dua (2) hari Timbalan Menteri Pertanian Republik Islam Iran ke Kuala Lumpur yang bermula pada 20 Julai 2021.

Malaysia dan Republik Islam Iran mempunyai potensi perdagangan yang besar dengan peningkatan perdagangan sektor pertanian dua hala antara Malaysia dan Iran yang sentiasa berkembang dari tahun ke tahun.

Berdasarkan rekod, pada tahun 2022, jumlah perdagangan sektor pertanian antara kedua-dua negara meningkat sebanyak 34.35% berbanding tahun sebelumnya.

Pertemuan ini telah membincangkan usaha kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang pertanian

terutamanya bagi menjamin sumber bekalan makanan yang stabil dan berkualiti. Perbincangan lebih menjurus kepada kerjasama teknikal dan strategik yang melibatkan Pertanian Pintar Iklim (Climate Smart Agriculture - CSA) dan teknologi akuakultur melalui bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Di samping itu, akses pasaran baharu produk pertanian ke Republik Islam Iran juga turut dibincang dengan mencadangkan Malaysia sebagai hub bagi pengeksporth daging ayam halal ke Iran.

Iran juga mempelawa Malaysia berkongsi kepakaran teknikal dalam bidang penternakan ikan stergen bagi penghasilan kaviar serta peluang menjadikan Iran sebagai hub pengeksporthan buah-buahan tropika.

Pertemuan antara kedua-dua pemimpin ini turut dihadiri oleh Pegawai Kanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan MARDI.



PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR

9 JULAI 2023 | MASJID SURAU BATOR, BACHOK KELANTAN

YBhg. Datuk Azman bin Mahmood, Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi, KPKM telah merasmikan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak di Masjid Surau Bator, Bachok Kelantan dan dihadiri oleh seramai 250 orang petani IADA Kemasin Semerak.

Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan merupakan program baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian yang memfokuskan model dan amalan pertanian baik sebagaimana yang dilaksanakan oleh para pesawah di Sekinchan, Selangor.

Melalui Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan ini juga mampu meningkatkan pendapatan pesawah di IADA Kemasin Semerak dengan menyasarkan pendapatan bulanan sebanyak RM4,000 daripada pendapatan sebelumnya iaitu RM1,700.

Pembaharuan yang dibawa melalui inisiatif ini ialah penggunaan teknologi seperti jentanam (transplanter). Penggunaan jentanam dalam subsektor padi dan beras seperti yang telah dilaksanakan di Sekinchan Selangor terbukti memberi banyak manfaat kepada pesawah. Antara manfaatnya adalah membantu menyeragamkan jarak tanaman, pertumbuhan dan kadar kematangan padi.

Selain itu, ia juga dapat memudahkan pengurusan rumpai, penyakit dan perosak, mengoptimalkan penggunaan benih daripada tujuh (7) beg kepada empat (4) beg serta dapat mengurangkan peratus kadar pemutuan padi.

Penggunaan jentanam juga merupakan salah satu alternatif kepada peningkatan hasil padi yang lebih tinggi dan berkualiti. Dalam perkara ini, penggunaan jentanam adalah disyorkan untuk dipraktikkan oleh pesawah dan pengusaha padi di seluruh negara. Usaha ini dapat melonjakkan pengeluaran hasil padi dan pendapatan seterusnya sasaran kerajaan untuk capai SSR 80% menjelang 2030 tercapai.

PROGRAM SENTUHAN AGRO MADANI PERINGKAT NEGERI SELANGOR

18 JULAI 2023 | MSEKIN RESORT WONDERLAND, SEKINCHAN SELANGOR

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah menghadiri Program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Selangor di MSeKin Resort Wonderland, Sekinchan, Selangor sempena peluncuran Dana Skim Pembiayaan Padi Madani (SPPM).

SPPM ini merupakan kemudahan pembiayaan tanpa cagaran bagi membiayai modal pusingan penanaman padi untuk pesawah yang mempunyai sistem pengurusan sawah yang teratur dan sistematik dan disahkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan.

Skim ini adalah terbuka kepada semua pesawah yang berdaftar sebagai penerima Skim Subsidi Harga Padi (SHP).

Pada majlis sama, sebanyak tiga (3) bantuan turut diberikan yang akan memberi manfaat kepada 8,885 orang. Antaranya adalah Penyampaian Dana Bantuan Khas Sumbangan Tunai kepada Pesawah Negeri Selangor yang memberi manfaat kepada 6,511 orang pesawah bernilai RM3.9 juta ringgit.

Bantuan ini diberikan kepada tiga (3) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu PPK Tanjung Karang, PPK Pasir Panjang dan PPK Sungai Besar.

Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan turut diberikan kepada 85 orang nelayan negeri Selangor bernilai RM275,000 dan Penyampaian Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Selangor yang memberi manfaat kepada 2,289 orang nelayan bernilai RM7.3 juta ringgit.

Selain itu Penyampaian Dana Tabung Hijrah Madani kepada 20 buah masjid di Jelapang Padi Negeri Selangor iaitu IADA Barat Laut Selangor yang bernilai RM100,00.00.



MINISTERIAL FORUM : KETERJAMINAN MAKANAN MENUJU MALAYSIA

27 JULAI 2023 | BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), telah hadir menyampaikan ucap tama pada Ministerial Forum Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 di Auditorium INTAN, Bukit Kiara.

Ministerial Forum ini dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membincangkan isu, cabaran dan hala tuju dasar serta strategi pelaksanaan program keterjaminan makanan negara secara berkesan, terarah dan mampan berlandaskan aspirasi Malaysia MADANI.

Seramai empat orang ahli panel telah mengambil bahagian dalam forum tersebut iaitu Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Profesor Datuk Paduka Dr. Fatimah binti Mohamed Arshad, Felo Penyelidik, Universiti Putra Malaysia, Tan Sri Dr Ismail bin Hj Bakar, Pengerusi Kulim (Malaysia) Berhad dan Datuk Yap Yun Fook, Pemilik Evergreen Livestock Sdn Bhd.

Peserta forum terdiri daripada Ahli Akademik, Badan Berkanun, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan pemain industri agromakanan dan pertanian serta pegawai-pegawai Kementerian.

Menerusi forum ini, para panel membincangkan peranan kerajaan dalam meningkatkan keterjaminan makanan, peranan institusi akademik dalam mempromosikan keterjaminan makanan, peranan badan berkaitan kerajaan dan sektor swasta berhadapan dengan isu keterjaminan makanan dan faktor kejayaan serta cabaran yang dihadapi oleh pemain industri dalam rantaian bekalan bagi membantu meningkatkan keterjaminan makanan.

Forum ini menjadi medan perkongsian informasi tentang dasar dan inisiatif yang sedang dilaksanakan kerajaan ke arah meningkatkan keterjaminan makanan negara serta memupuk jalinan kerjasama dan rangkaian yang kukuh antara sektor kerajaan dan bukan kerajaan dalam menjamin kelestarian dan keterjaminan makanan negara.

Ministerial Forum Mengenai Keterjaminan Makanan Negara 2023 ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 500 orang peserta daripada seluruh Malaysia.



MAJLIS PERASMIAN FOOD & DRINKS MALAYSIA (FDM) OLEH SIAL

MITEC, KUALA LUMPUR | 4 JULAI 2023

Pameran Food & Drinks Malaysia (FDM) oleh SIAL merupakan pameran perdagangan utama industri makanan dan minuman. Pameran ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Pusat Perdagangan & Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang melibatkan 450 jenama tempatan dan antarabangsa daripada 22 buah negara.

Pameran ini bertujuan untuk menerokai peluang dalam sektor makanan dan minuman, makanan laut dan perikanan, teknologi makanan dengan ciri-ciri khas dalam protein alternatif serta rempah ratus dan perasa, dan juga makanan halal. FDM oleh SIAL juga menyediakan medium untuk para pelawat mengambil bahagian dalam inovasi dan trend makanan terkini, dan juga mendapatkan pandangan tentang rantaian nilai halal dan segmen yang berkaitan.

Salon International de l'alimentation Network, atau lebih dikenali dengan singkatan Perancisnya SIAL Network, merupakan jenama utama di bawah Comexposium yang berpangkalan di Perancis, Comexposium adalah salah satu penganjur acara terkemuka di seluruh dunia dan beroperasi di 30 buah negara, memiliki 67 jenama pameran, dan merupakan tuan rumah kepada lebih 3.5 juta pelawat dan 48,000 peserta pameran setiap tahun.

SIAL Network ialah pameran perdagangan yang diiktiraf di peringkat global yang mengkhusus dalam trend dan inovasi tentang makanan. Ditubuhkan di Perancis pada tahun 1964, SIAL Network telah mengukir namanya sendiri sebagai pasaran makanan global yang berfungsi menghubungkan dan memudahkan perniagaan dalam komuniti makanan antarabangsa.



MAJLIS PELANCARAN TAMAN AGROTEKNOLOGI MARDI TANJUNG KARANG

30 JULAI 2023 | TANJUNG KARANG, SELANGOR

Majlis Pelancaran Taman Agroteknologi MARDI Tanjung Karang telah dirasmikan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Pada majlis ini juga, diumumkan diskaun jualan tiket sebanyak 50% bagi semua pakej sehingga 31 Ogos 2023.

Taman Agroteknologi MARDI Tanjung Karang mengetengahkan konsep sebuah pusat agropelancongan yang berasaskan tanaman padi dengan memberi peluang pengunjung melihat sendiri cara padi tanam, sambil menikmati pemandangan indah sawah padi di atas di sampan dengan suasana kampung.

Melalui destinasi agropelancongan sebegini, MARDI dapat menyampaikan pengetahuan mengenai teknologi pertanian berkaitan penghasilan padi dan beras kepada masyarakat serta meninggalkan kenangan manis yang tidak akan dilupakan kepada para pengunjung dengan tawaran pakej lawatan dan pakej aktiviti di sawah padi yang sangat menarik.

Pada majlis ini juga, turut disampaikan kepada enam penerima Geran Agropreneur Muda dan Geran Pemadanan Change Upgrade Product (CUP) berjumlah RM192,432.00.



MAJLIS MERAI BUDI MENGENANG JASA TAHUN 2023 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

6 JULAI 2023 | MAEPS, SERDANG

Majlis Merai Budi Mengenang Jasa Tahun 2023 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bertujuan untuk meraikan pesara-pesara bagi tahun 2023. Penganjuran majlis ini yang julung kalinya menggabungkan pesara-pesara dari Ibu Pejabat KPKM, Jabatan dan Agensi di bawahnya.

Majlis telah berlangsung pada 6 Julai 2023 bertempat di Dewan D, MAEPS Serdang dan disempurnakan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri KPKM, mewakili YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri KPKM. Majlis turut dihadiri Pengurusan Tertinggi Kementerian, Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi serta penyelia-penyelia kepada pesara terlibat.

Seramai 416 pesara diraikan pada majlis ini yang terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara pilihan, bersara atas sebab kesihatan dan juga yang telah meninggal dunia semasa masih berkhidmat.

Majlis ini merupakan penghargaan atas jasa dan khidmat bakti mereka sepanjang berkhidmat sebagai penjawat awam. Pasangan kepada pesara turut diundang sebagai menghargai pengorbanan pasangan yang sentiasa menyokong dan berkorban demi kejayaan bersama.

Dalam ucapan, YB Menteri KPKM menyeru kepada semua terutamanya pesara agar terus memberi sokongan kepada dasar dan usaha kerajaan dalam memastikan sistem makanan negara mantap dan berfungsi dengan cekap dan produktif. Pesara-pesara juga disarankan agar menggunakan pengalaman dan kepakaran yang ada dengan terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri agromakanan negara agar legasi cemerlang yang ditinggalkan dapat diwarisi dan diteruskan demi keunggulan KPKM dan kemakmuran negara.



SCIENTIFIC CONFERENCE KE-38 OLEH NUTRITION SOCIETY MALAYSIA

4 HINGGA 5 JULAI 2023 | HOTEL SWISS GARDEN

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM telah menyampaikan ucapan mengenai Dasar dan Pelan Tindakan berkaitan Securiti Makanan sempena Scientific Conference ke-38 yang dianjurkan oleh Nutrition Society Malaysia pada 4 dan 5 Julai 2023, di Hotel Swiss Garden Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Persidangan ini memberi ruang kepada peserta yang terlibat untuk mendapatkan penjelasan lanjut dari KPKM berhubung aspek polisi dan kemajuan terkini dalam sektor agromakanan negara. Persidangan selama dua hari ini telah dihadiri oleh ahli akademik, pakar pemakanan dan kesihatan, pemain industri, serta pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta.


KUNJUNGAN HORMAT OLEH DUTA BESAR REPUBLIK KOREA KE ATAS KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

11 JULAI 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Yeo Seung-bae, Duta Besar Republik Korea di Malaysia pada 11 Julai 2023 di Wisma Tani, Putrajaya.

Pertemuan kali ini adalah bagi membincangkan perihal kemajuan cadangan mewujudkan Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertanian sebagai usaha kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama dan perdagangan dua hala dalam bidang pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Di samping itu, perkara-perkara lain yang turut dibincangkan adalah berkenaan akses pasaran produk ternakan Republik Korea ke Malaysia dan juga kerjasama dalam pembangunan pertanian pintar. Pertemuan antara kedua-dua pemimpin ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian serta pegawai-pegawai kanan KPKM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.





**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Ministerial Forum KETERJAMINAN MAKANAN

MENUJU MALAYSIA MADANI



UCAPTAMA

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

AHLI PANEL 1



**YBHG. DATUK
BADRUL HISHAM
MOHD**
TIMBALAN KETUA
SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN
MAKANAN

AHLI PANEL 2



**YBHG. PROF
DATIN PADUKA
DR. FATIMAH
MOHAMED
ARSHAD**
FELD PENYELIDIK
UNIVERSITI PUTRA
MALAYSIA

AHLI PANEL 3



**YBHG. TAN SRI
DR. ISMAIL HJ.
BAKAR**
PENERUS
KULIM (MALAYSIA)
BERHAD

AHLI PANEL 4



**YBHG. DATUK
YAP YUN FOOK**
EVERGREEN LIVESTOCK
SON. BHD. SABAH

PEMUDAHCARA



**YBHG. DATUK
ROSYAM NOOR**
PELAKON, PENERBIT
FILEM DAN USAHAWAN
TANI

27 Julai 2023 (Khamis) 8.30 pagi - 1.00 tengah hari

Auditorium INTAN Bukit Kiara

IMBAS KOD QR INI



ANJURAN:



INSTITUT TADBIRAN AWAM
NEGARA (INTAN)

DENGAN KERJASAMA:



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**MALAYSIA
MADANI**






**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Fahniah & Selamat Datang

**TUAN MOHD MAZRAN
BIN DATO' MOHAMAD
MAZLAN**

di atas pelantikan sebagai
**PENASIHAT UNDANG-UNDANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN**

berkuat kuasa pada
17 JULAI 2023

Ikhlas daripada:
**PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN**




www.kpkm.gov.my

 @kpkmmalaysia



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Salam Maal Hijrah

1 Muharam 1445H



**PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI
MAAL HIJRAH**

Ikhlas daripada:
**PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**




www.kpkm.gov.my  @kpkmmalaysia

SIDANG REDAKSI:

- | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|---|--|
| PENAUNG:
DATUK LOKMAN HAKIM ALI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN | KETUA EDITOR:
MOHAMMAD
EZRI BIN
SHAMSUDDIN | EDITOR:
SALMAH BINTI
RAMLI
NURIL
MUTMAINNAH
BINTI ROSLAN | PENULIS:
SARI NOR
AMRIYAH BINTI
MUHAMMAD ISA
SAIYASWARY
A/P
SURNARAYANA | GRAFIK:
NABILLAH
BINTI
ZAMRI | JURU FOTO:
MOHAMAD
YASIN BIN
JAMAL
MOHD NAJIB BIN
ABDUL JABAR | IDEA, KONSEP &
TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, KPKM |
|--|--|--|--|--|---|--|